

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	JALAN RAYA BAHARU PERLU BINA TEROWONG HIDUPAN LIAR
	SUMBER	BH (14 MEI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

16

Nasional

Rabu, 14 Mei 2025

Jalan raya baharu perlu bina terowong hidupan liar



Langkah wujudkan laluan selamat, pastikan pemeliharaan haiwan sentiasa dipertingkatkan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azli@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) akan memastikan setiap jalan raya serta lebuh raya baharu selegas ini direka bentuk dan dibina dengan terowong hidupan liar bagi mewujudkan laluan selamat untuk haiwan berlanjan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) menyeru kenyataan mengambil contoh pembinaan terowong berkenaan oleh Lebuhraya Pesisiran Barat (WCE) di jajaran Tingang Selatan-Bruas selepas mendapat khidmat nasihat dan persetujuan

Segerakan lintasan hidupan liar di Belau-Ternggong



Keratan akhbar BH semalam.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Syabas dan terima kasih kepada syarikat konsesi WCE yang meletakkan laluan khusus terowong bawah lebuh raya untuk membolehkan habitat hidupan liar bergerak dari satu kawasan hutan ke hutan lain, melintasi lebuh raya dengan selamat," menurut kenyataan itu.

Selain itu, KKR memaklumkan kerjasama erat antara Kementerian dengan PERHILITAN akan diteruskan bagi memastikan pemeliharaan hidupan liar sentiasa dipertingkatkan.

"Besar harapan kami supaya pemandu kenderaan memperihankan kelajuan dan berhati-hati

kotika melwati lokasi pintasan hidupan liar yang telah dikenal pasti melalui papan tanda dan lampu jalan," menurut KKR.

Ahud lalu, media melaporkan kejadian menyayat hati apabila seekor anak gajah mati dilanggar lori treler, di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik-Jeli, di Gerik, pada awal pagi.

Kejadian menyayat hati itu tular apabila itu gajah berkenaan diramak berada di samping anaknya yang sudah mati terperosok di bawah lori seakan-akan berusaha cuba mengalihkan lori itu.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) merekodkan 4,919 aduan kemalangan manusia dan gajah bagi tempoh 2020 hingga 2024, membabitkan kerugian dianggarkan berjumlah RM394 juta.

"Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, sebanyak lapan gajah direkodkan mati akibat rosak dilanggar kenderaan di Semenanjung termasuk tiga daripadanya berlaku dalam tahun ini

sahaja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perubahan guna tanah

Mengulas lanjut, Nik Nazmi berkata berdasarkan kajian pada 2016 mendapati kawasan kiliran gajah berkurangan sebanyak 68 peratus.

Beliau, mendedahkan situasi itu berlaku akibat perubahan guna tanah untuk pertanian, perladangan serta pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan penempatan.

"Kematian seekor anak gajah yang dilanggar kenderaan pada 11 Mei lalu di JRTB sempadan Gerik, Perak - Nik Nazmi Nik Ahmad

telah menyedihkan rakyat Malaysia.

"Ia bukan sekadar satu kemalangan tragis tetapi mencerminkan cabaran besar dalam hubungan antara manusia dan alam, khususnya dalam usaha kita mengahkalkan kelangsungan hidup spesies liar dalam landskap yang semakin terpisah-pisah dan kehilangan kesinambungan semu-

la jadi.

"JRTB adalah laluan penting yang merentasi habitat gajah liar di antara hutan-hutan utama di Perak dan Kelantan. Lokasi ini dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi bagi pertembungan antara manusia dan hidupan liar khususnya gajah," katanya.

Nik Nazmi berkata, hutan yang menjadi habitat utama gajah adalah di bawah bidang kuasa negeri, seperti bermaktab dalam Peraka 742D Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, katanya penyelesaian jangka panjang memerlukan kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

"Kerajaan Persekutuan juga telah menyediakan insentif Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT) sejak 2019 iaitu insentif kewangan tambahan kepada kerajaan-kerajaan negeri bagi melindungi dan memelihara kawasan perlindungan," katanya.



Nik Nazmi Nik Ahmad

2.	TAJUK	JAS ARAH HANTAR PULANG 38 KONTENA PLASTIK TERCEMAR
	SUMBER	BH (16 MEI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (SANTAI)

JAS arah hantar pulang 38 kontena plastik tercemar

Pemeriksaan bersepadu dipertingkat elak Malaysia jadi 'tong sampah dunia'

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang mengarahkan pengimport dan ejen bertanggungjawab, menghantar pulang 38 kontena yang dikesan membawa masuk campuran plastik tercemar ke negara asal.

Pengarah JAS negeri, Norazizi Adinan, berkata perkara itu terbongkar dalam pemeriksaan bersepadu pihaknya dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), SWCorp, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) dan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini kelmarin.

Beliau berkata, terdapat 39

kontena yang masuk ke NBCT diikrarkan dagangan sebagai kepingan plastik dipercayai berisi sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) serta skrap plastik.

"Namun, hasil pemeriksaan lanjut mendapati 38 kontena membawa campuran sisa plastik tercemar mengandungi sampah.

"Berikutan itu, penahanan dibuat dan tindakan Notis Arahan mengikut Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diambil.

"Ja adalah arahan kepada pengimport dan ejen supaya menghantar semula 38 kontena itu ke negara asal," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Norazizi berkata, sebuah kontena lagi yang berkeadaan baik sudah diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Rekod terbesar JAS

Dalam pada itu, beliau berkata, secara keseluruhan JAS Pulau Pinang mengarahkan 65 kontena dihantar pulang ke negara asal, tahun ini.

"Bagi bulan ini, ia rekod terbesar JAS Pulau Pinang," katanya.

Norazizi berkata, kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan pengimportan kontena sisa plastik ke Malaysia adalah



Penguat kuasa JAS Pulau Pinang memeriksa kontena yang mengandungi sisa plastik tercemar di Terminal Kontena Butterworth Utara, semalam.

(Foto ihsan JAS Pulau Pinang)

terkawal, sah mengikut undang-undang serta tidak menjadi punca pencemaran lebih serius.

"JAS sentiasa bersedia bekerjasama dengan JKDM, JPSPN, SWCorp, pihak berkuasa negeri dan tempatan serta pihak berkuasa pelabuhan bagi memperkasakan penguatkuasaan di pintu masuk negara dalam usaha me-

mastikan Malaysia tidak dijadikan negara 'tong sampah dunia'.

"Orang ramai dihimbau menyalurkan sebarang maklumat dan aduan berkaitan jenayah alam sekitar menerusi talian bebas tol 1-800-88-2727 atau e-mel ke aduan.k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>," katanya.

2.	TAJUK	SINI BUKAN TONG SAMPAH ! JAS PULAU PINANG HALANG CUBAAN SELUDUP 38 KONTENABERISI SISA SAMPAH
	SUMBER	NARIAN METRO (16 MEI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (LOKAL)



PENGLUAT kuasa Jas Pulau Pinang memeriksa kontena yang mengandungi sisa plastik tercemar ketika menjalankan pemeriksaan bersepadu bersama beberapa agensi di NBCT semalam.

Sini bukan tong sampah!

Jas Pulau Pinang halang cubaan seludup masuk 38 kontena berisi sisa sampah

Oleh Nur Izzati Mohamad
nuiz@metro.com.my

Butterworth

Cuba seludup masuk 38 kontena berisi sisa sampah dan campuran plastik tercemar ke negara ini.

Tindakan itu bagaimanapun berjaya dihalang Jabatan Alam Sekitar (Jas) Pulau Pinang yang mengarahkan pengimport dan ejen bertanggungjawab menghantar pulang 38 kontena yang membawa campuran plastik tercemar itu ke negara asal.

Pengarah Jas negeri Norazizi Adnan berkata, perkara itu terbongkar selepas pihaknya melakukan pemeriksaan bersepadu bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), SWCorp, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSPP) dan Penang Port Sdn Bhd (PPSH) di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, kelmarin.

Katanya, terdapat 39 kontena yang masuk ke NBCT mengikrarkan dagangan mereka sebagai kepingan plastik dipercayai berisi sisa elektrik dan elektronik (e waste) serta skrap plastik.

"Namun hasil pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 38 kontena membawa campuran sisa plastik tercemar mengandungi saripah.

"Oleh itu, penahanan telah dibuat dan tindakan Notis Arahan mengikut Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diambil.

"ia adalah arahan untuk pengimport dan ejen menghantar semula 38 kontena itu ke negara asal," katanya, di sini, semalam. Jelasnya, sebuah kontena lagi yang berkeadaan baik diserahkan kepada agensi terlibat untuk tindakan selanjutnya.

Dalam pada itu, Norazizi berkata, secara keseluruhan Jas Pulau Pinang mengarahkan 65 kontena dihantar pulang ke negara asal, tahun ini.

"Bagi bulan ini, ia adalah rekod terbesar Jas Pulau Pinang," katanya.

Norazizi berkata, kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan pengimportan kontena sisa plastik ke Malaysia adalah terkawal, sah mengikut keperluan perundangan sedia ada serta tidak menjadi punca kepada isu pencemaran yang lebih serius.

"Jas sentiasa bersedia bekerjasama dengan pihak JKDM, JPSPN, SWCorp, pihak berkuasa negeri dan tempatan serta pihak berkuasa pelabuhan bagi memperkasakan penguatkuasaan di pintu masuk negara dalam usaha memastikan Malaysia tidak menjadi negara bergelut 'tong sampah dunia'.

"Orang ramai dikehendaki menyalurkan sebarang maklumat dan aduan berkaitan jisayah alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan@jabatan.gov.my dan melalui portal e-aduan Jas di <https://aduan.doe.gov.my>," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**